

**Permasalahan Keluarga**  
Azizi Yahaya & Mohamad Hasan Omar  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak.:** Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka. Dengan itu, artikel ini menunjukkan permasalahan keluarga yang mempengaruhi keputusan akademik pelajar.

*Katakunci :* masalah keluarga

### **Masalah Keluarga**

Keluarga perlulah menjadi suatu institusi yang kukuh seperti sebuah industry yang mengeluarkan produk yang bermutu tinggi kepada pengguna. Begitulah juga dengan ahli-ahli keluarga, mereka adalah merupakan produk yang sentiasa bergantung kepada ibu bapa sebagai pengurus untuk membentuk anak-anaknya supaya menjadi rakyat yang berguna kepada bangsa.

Ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka. Pengaruh mereka lebih penting daripada ahli keluarga yang lain kerana hubungan mereka sudah terjalin begitu lama dan berterusan.

Kajian Rozumah Baharudin (2001) yang dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah dan rendah di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Terengganu mendapati masalah kepincangan keluarga banyak menjaskan pendidikan mereka. Menurut beliau, struktur dan nilai keluarga yang diamalkan dan kecekapan keluarga membabitkan pencapaian ekonomi dan bagaimana mereka berusaha meningkatkan kemajuan diri memberi kesan besar kepada pelajar.

Abdul Alim (1994), menyatakan keruntuhan moral adalah sebahagian daripada gambaran wajah institusi keluarga yang ada di Malaysia. Semua ini berlaku kerana kurangnya sikap tanggungjawab ibu bapa. Mereka tidak mengawal dan member penekanan kepada anak-anak mereka daripada pengaruh dan gejala buruk. Anak-anak tidak menemui contoh yang terbaik di dalam keluarga dan di dalam masyarakat. Ibu bapa harus menjadi contoh dan ikutan yang terbaik. Jika ibu bapa baik nescaya anakanak mereka juga baik.

Permasalahan ini adalah termasuk keadaan keluarga, pemakanan, latar belakang akademik ibu bapa serta latar belakang kerjaya ibu bapa. Masalah ini adalah memainkan peranan yang penting di dalam pembentukan keperibadian pelajar. Perhubungan yang erat di dalam

keluarga dan guru, dapat menentukan kecemerlangan terhadap pelajar itu sendiri. Dengan menjadikan teguran yang diterima sebagai satu cabaran juga akan menentukan kejayaan pelajar.

Tajudin (1999), mendapati ibu bapa yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai serta mempunyai pendapatan yang rendah menjadi punca pelajar gagal di dalam pelajaran. Sikap dan tanggungjawab ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka akan terabai disebabkan mereka tidak dapat memenuhi kelengkapan yang seharusnya disediakan di dalam proses pembelajaran anak-anak. Mengikut Ungku Aziz (Mingguan Malaysia, 31 Ogos 2003) masalah bumiputera adalah kemiskinan dan kemunduran.

Menurut Zakaria (1996), faktor keluarga terbahagi kepada dua iaitu faktor latar belakang ibu bapa dan faktor komitmen ibu bapa. Faktor latar belakang keluarga dikategorikan dengan taraf pendidikan ibu bapa dan jumlah pendapatan keluarga manakala faktor komitmen ibu bapa dikategorikan kepada sokongan fizikal dan sokongan moral. Hasil daripada kajian terdapat lima belas pembolehubah yang mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keertian 0.05. Tiga daripadanya mewakili faktor latar belakang ibu bapa dan dua belas selebihnya mewakili komitmen ibu bapa. Ibu bapa juga disarankan supaya mengamalkan perkara yang mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik untuk mempertingkatkan mutu pendidikan dan pencapaian mata pelajaran tersebut.

Mengikut Shaifuddin (1997), kajian mendapati bahawa pencapaian akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendapatan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa, matlamat motivasi dan persekitaran sekolah.

Menurut Tajudin (1999), juga mendapati ibu bapa yang berpendidikan tinggi akan meluangkan lebih masa untuk anak-anak di dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka di sekolah. Masa yang diluangkan adalah untuk digunakan dalam mengajar, memeriksa kerja sekolah di rumah dan menjalankan aktiviti bersama anak-anak.

Kajian menyatakan pelajar cemerlang hidup dalam keluarga yang mengamalkan konsep kendiri yang tinggi dan kes salah laku yang lebih rendah berbanding keluarga yang pincang. Menurut Mitchells dan Tyreman dalam Pahrol Radzi (1996), faktor keluarga memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik anak-anak mereka.

Hagen (1987) dan Moktar (1994), mengatakan hampir separuh daripada pelajar yang dikaji mempunyai bapa yang bercerai, meninggal dunia, selalu berjauhan, sakit, kurang menumpukan perhatian terhadap pelajaran, sebaliknya lebih cenderung untuk terus melakukan dan mengambil tingkah laku yang agresif. Menurut Othman (1995), suasana keluarga mempunyai kesan secara tidak langsung kepada pencapaian akademik.

Menurut Marimuthu (1985), taraf sosio ekonomi ada perkaitan dengan pencapaian pelajaran. Taraf sosio ekonomi keluarga merupakan unsur penelaah yang paling cekal dan kukuh bagi menentukan kebolehan akademik pelajar. Taraf sosio ekonomi dan pencapaian akademik menunjukkan hubungan yang positif iaitu semakin tinggi taraf sosio ekonomi ibu bapa, semakin tinggi akademik pelajaran pelajar.

Robiah dan Zaiton (1989) dalam Siti Rahimah (2000), menyatakan bahawa pelajar yang berjaya boleh dikenali melalui kemewahan kebendaan yang terdapat di rumah mereka. Kemiskinan juga menjadi faktor yang menyebabkan pelajar sukar menguasai pelajarannya dengan cemerlang.

Kasih sayang dan sokongan daripada keluarga adalah penting untuk pelajar belajar dengan cemerlang dalam peperiksaan. Menurut Atan Long (1993), keperluan mendapat kasih sayang mempunyai hubungan yang rapat dengan keperluan berdampingan dan penerimaan oleh kumpulan. Seseorang sangat memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa dan juga orang yang penting dalam kehidupannya. Pelajar yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa disebabkan oleh penceraian, keadaan rumah tangga yang tidak aman dan sebagainya akan menghadapi masalah dan ini akan menjadi penghalang kepada pembelajaran mereka.

Ibu bapa juga mempengaruhi terhadap minat pelajar di dalam pembelajaran. Ibu bapa yang kurang pendedahan terhadap sistem pembelajaran yang terkini akan menyebabkan mereka menyerahkan bulat-bulat kepada anak mereka di dalam memilih kursus yang mereka ingin ambil. Kebanyakan pelajar ini akan memilih kursus yang diambil dengan mengikut rakan sebaya mereka, ini akan menimbulkan kesan yang mendalam kemudian hari. Menurut Brown dan Holzman (1984), kemahiran belajar adalah sikap dan tabiat belajar atau orientasi pelajar. Kemahiran belajar menurut Cloete dan Schochet (1986), merupakan kaedah belajar, teknik belajar, strategi belajar dan motivasi belajar. Hasil daripada kajian ini pelajar memerlukan motivasi belajar daripada ibu bapa dan daripada orang yang tertentu seperti guru-guru dan sebagainya.

Dorongan, sikap, minat serta bimbingan, sikap ibu bapa serta galakan yang diberi terhadap pembelajaran anak mereka akan meningkatkan lagi prestasi akademik, minat dan pencapaian. Menurut Crow (1980), pengaruh ibu bapa terhadap pembelajaran anak mereka boleh memberi dorongan kepada pelajar supaya lebih berminat walaupun minat kerja yang ada pada seseorang itu pada mulanya tidak mencerminkan keinginan mereka.

## Rujukan

Rozumah Bahrudin (21.8.2001). *Keluarga Pengaruhi Prestasi Akademik Pelajar*. Berita Harian, m.s 16.

- Abdul Alim Abdul Rahim (1994). *Penyertaan Psikologi Berlazim*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tajuddin Ali (1999). *Faktor Yang membawa Kepada Sikap rajin Belajar Tiong Hua*. [www.idealismahasiswa.net/artikel\\_harian/feb2002/14feb03.html](http://www.idealismahasiswa.net/artikel_harian/feb2002/14feb03.html)
- Mingguan Malaysia (31.8.03). *Ucapan Perdana Menteri Malaysia*. Zakaria Bin Othman (1996). *Hubungan faktor-faktor Latarbelakang dan Komitmen Ibu Bapa dengan Pencapaian Matematik*. Universiti Utara Malaysia : [www//asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p\\_pendidikan.cfm](http://www//asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p_pendidikan.cfm)
- Shaifudin Bin Haji Masduki (1997). *Motivasi,Komitmen dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Utara Malaysia : [www//asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p\\_pendidikan.cfm](http://www//asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p_pendidikan.cfm)
- Pahrol radzi Mat Ali (1996). *Kesan Faktor Pekerjaan, Pendidikan dan persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam PMR*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Mokhtar Yussof (1994). *Pengaruh Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pelajar di 5 Buah Sekolah dalam Jajahan Tanah Merah dan Jajahan Jeli. Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Marimuthu, T (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Clote N, schochet I (1986). *Alternatives to The Behavioral Technical Conception of Study Skill*. Higher Education 15, m.s 252-258.
- Crow and Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.